Terhad

Kempen Pengecualian Caj Perkhidmatan untuk Maybank Overseas Transfer 2026 – Terma dan Syarat

Kempen Pengecualian Caj Perkhidmatan untuk Maybank Overseas Transfer 2026 ("**Kempen**") dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (196001000142) (dikenali sebagai **"Maybank"**) dan tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Fasal 1C di bawah) dengan ini bersetuju secara nyata untuk terikat dengan terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan apa-apa keputusan yang dibuat oleh Maybank berhubung dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat.

1. Kelayakan

A. Kempen ini terbuka kepada pelanggan individu dan pelanggan pemilik tunggal Maybank dan Maybank Islamic Berhad (200701029411) (dikenali sebagai "Maybank Islamic") yang berumur sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun dan mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah, serta menggunakan Maybank Overseas Transfer (MOT) untuk memindahkan dana dari Maybank Malaysia ke Maybank Singapura sahaja.

B. Kakitangan semasa Maybank dan kumpulan syarikatnya TIDAK layak untuk menyertai Kempen ini.

C. Semua pelanggan yang telah memenuhi kriteria di atas yang dinyatakan dalam Fasal 1A serta telah melaksanakan Urus Niaga yang Layak yang berjaya (seperti yang ditakrifkan di bawah) selepas ini akan dirujuk sebagai **"Pelanggan yang Layak"**. Pelanggan yang Layak akan layak secara automatik untuk menyertai Kempen ini.

2. Mekanisme Kempen

A. Kempen ini akan berlangsung dari 25 Jun 2026 jam 12:00:00 pagi (MYT) sehingga 31 Disember 2026 jam 11:59:59 malam (MYT) [termasuk kedua-dua tarikh] **("Tempoh Kempen")**.

B. Tempoh Kempen akan dibahagikan kepada enam (6) fasa **("Fasa Kempen")**

Tarikh Fasa	**Kempen** (termasuk kedua-dua tarikh)
Fasa 1	25 Jun 2026 – 31 Julai 2026
Fasa 2	1 Ogos 2026 – 31 Ogos 2026
Fasa 3	1 September 2026 – 30 September 2026
Fasa 4	1 Oktober 2026 – 31 Oktober 2026
Fasa 5	1 November 2026 – 30 November 2026
Fasa 6	1 Disember 2026 – 31 Disember 2026

C. Kempen ini hanya sah untuk urus niaga kiriman wang ke luar negara yang dibuat melalui Maybank Overseas Transfer dalam aplikasi MAE atau laman web Maybank2u **("Perkhidmatan & Saluran yang Layak")**. Apa-apa urus niaga yang dibuat di luar saluran ini tidak akan diambil kira atau dipertimbangkan untuk Kempen ini.

D. Kempen ini sah untuk akaun Maybank dan Maybank Islamic yang disenggara di Malaysia sahaja.

Terhad

E. Semua urus niaga yang telah memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam Fasal 2B, 2C dan 2D di atas selepas ini akan dirujuk sebagai **"Urus Niaga yang Layak"**.

F. Mekanisme Kempen dinyatakan dalam **Jadual 1**.

Jadual 1: Mekanisme Kempen

<table>
<tr><th>Pelanggan yang Layak</th><th>Perkhidmatan & Saluran yang Layak</th><th>Amaun Kelayakan bagi Setiap Urus Niaga</th><th>Mekanisme</th></tr>
<tr><td>Pelanggan individu Maybank</td><td rowspan="2">Maybank Overseas Transfer
• Aplikasi MAE
• Laman web Maybank2u</td><td>RM5,000.00 dan ke atas</td><td rowspan="2">Pelanggan yang Layak yang melaksanakan Urus Niaga yang Layak berhak mendapat pengecualian caj perkhidmatan ("Hadiah"); pemenang ("Pemenang") akan dipilih atas dasar yang cepat didahulukan.

Bagi setiap Urus Niaga yang Layak yang dibuat kepada Maybank Singapore Limited (MSL) dan Malayan Banking Berhad, Cawangan Singapura (MBS), Pemenang akan menerima 100% pulangan tunai ke atas caj perkhidmatan yang berjumlah RM10.80 (termasuk 8% SST).
• Terhad kepada 1,600 Urus Niaga yang Layak terawal yang dilaksanakan oleh Pelanggan yang Layak bagi setiap Fasa Kempen.
• Sebanyak 9,600 Urus Niaga yang Layak yang dilaksanakan oleh Pelanggan yang Layak akan dipilih dan layak memenangi Hadiah sepanjang Tempoh Kempen.

Setiap Pelanggan yang Layak berhak memenangi Hadiah sepanjang setiap Fasa Kempen tanpa had kekerapan, tertakluk kepada bilangan Hadiah yang disediakan untuk Kempen ini.</td></tr>
<tr><td>Pelanggan pemilik tunggal Maybank</td><td>RM10,000 dan ke atas</td></tr>
</table>

G. Contoh/senario kelayakan Hadiah dinyatakan dalam **Jadual 2**.

Jadual 2: Senario

Senario	Kelayakan Hadiah
Pelanggan individu melaksanakan satu (1) urus niaga kiriman wang ke luar negara kepada Maybank Singapore Limited (MSL) melalui Maybank Overseas Transfer pada aplikasi MAE yang berjumlah RM20,000.00 semasa Fasa 2.	Pelanggan layak menerima satu Hadiah, tertakluk kepada jumlah pulangan tunai terkumpul yang diperuntukkan bagi setiap Fasa Kempen. Pelanggan melaksanakan Urus Niaga yang Layak melalui Perkhidmatan & Saluran yang Layak, berjumlah RM5,000.00 atau lebih (jumlah minimum untuk pelanggan individu bagi setiap urus niaga) dalam Tempoh Kempen.
Pelanggan pemilik tunggal melaksanakan satu (1) urus niaga kiriman wang ke luar negara kepada Maybank Singapore Limited (MSL) melalui Maybank Overseas Transfer pada aplikasi MAE yang berjumlah RM20,000.00 semasa Fasa 2.	Pelanggan layak menerima satu Hadiah, tertakluk kepada jumlah pulangan tunai terkumpul yang diperuntukkan bagi setiap Fasa Kempen. Pelanggan melaksanakan Urus Niaga yang Layak melalui Perkhidmatan & Saluran yang Layak, berjumlah RM10,000.00 atau lebih (jumlah minimum untuk pelanggan pemilik tunggal bagi setiap urus niaga) dalam Tempoh Kempen.
Pelanggan individu melaksanakan satu (1) urus niaga kiriman wang ke luar negara kepada Maybank Singapore Limited (MSL) melalui Maybank Overseas Transfer pada aplikasi MAE yang berjumlah RM20,000.00 semasa Fasa 2. Pelanggan individu melaksanakan satu (1) urus niaga kiriman wang ke luar negara kepada Maybank Singapore Limited (MSL) melalui Maybank Overseas Transfer pada aplikasi MAE yang berjumlah RM15,000.00 semasa Fasa 3.	Pelanggan layak menerima dua Hadiah, satu untuk Urus Niaga yang Layak dalam Fasa 2, dan satu lagi untuk Urus Niaga yang Layak dalam Fasa 3, tertakluk kepada jumlah pulangan tunai terkumpul yang diperuntukkan bagi setiap Fasa Kempen. Pelanggan melaksanakan Urus Niaga yang Layak melalui Perkhidmatan & Saluran yang Layak, berjumlah RM5,000.00 atau lebih (jumlah minimum untuk pelanggan individu bagi setiap urus niaga) dalam Tempoh Kempen.
Pelanggan pemilik tunggal melaksanakan satu (1) urus niaga kiriman wang ke luar negara kepada Maybank Singapore Limited (MSL) melalui Maybank Overseas Transfer pada aplikasi MAE yang berjumlah RM20,000.00 semasa Fasa 2. Pelanggan pemilik tunggal melaksanakan satu (1) urus niaga kiriman wang ke luar negara kepada Maybank Singapore Limited (MSL)	Pelanggan layak menerima dua Hadiah, satu untuk Urus Niaga yang Layak dalam Fasa 2, dan satu lagi untuk Urus Niaga yang Layak dalam Fasa 3, tertakluk kepada jumlah pulangan tunai terkumpul yang diperuntukkan bagi setiap Fasa Kempen. Pelanggan melaksanakan Urus Niaga yang Layak melalui Perkhidmatan & Saluran yang Layak, berjumlah RM10,000.00 atau lebih (jumlah

melalui Maybank Overseas Transfer pada aplikasi MAE yang berjumlah RM15,000.00 semasa Fasa 3.	minimum untuk pelanggan pemilik tunggal bagi setiap urus niaga) dalam Tempoh Kempen.
Pelanggan individu melaksanakan satu (1) urus niaga kiriman wang ke luar negara kepada Maybank Singapore Limited (MSL) melalui Maybank Overseas Transfer pada aplikasi MAE yang berjumlah RM20,000.00 pada 6 Ogos 2026 (Fasa 2). Pelanggan individu melaksanakan satu (1) urus niaga kiriman wang ke luar negara kepada Maybank Singapore Limited (MSL) melalui Maybank Overseas Transfer pada aplikasi MAE yang berjumlah RM15,000.00 pada 10 Ogos 2026 (Fasa 2).	Pelanggan layak menerima dua Hadiah, satu untuk Urus Niaga yang Layak pada 6 Ogos 2026, dan satu lagi untuk Urus Niaga yang Layak pada 10 Ogos 2026, tertakluk kepada jumlah pulangan tunai terkumpul yang diperuntukkan bagi setiap Fasa Kempen. Pelanggan melaksanakan Urus Niaga yang Layak melalui Perkhidmatan & Saluran yang Layak, berjumlah RM5,000.00 atau lebih (jumlah minimum untuk pelanggan individu bagi setiap urus niaga) dalam Tempoh Kempen.
Pelanggan pemilik tunggal melaksanakan satu (1) urus niaga kiriman wang ke luar negara kepada Maybank Singapore Limited (MSL) melalui Maybank Overseas Transfer pada aplikasi MAE yang berjumlah RM20,000.00 pada 6 Ogos 2026 (Fasa 2). Pelanggan pemilik tunggal melaksanakan satu (1) urus niaga kiriman wang ke luar negara kepada Maybank Singapore Limited (MSL) melalui Maybank Overseas Transfer pada aplikasi MAE yang berjumlah RM15,000.00 pada 10 Ogos 2026 (Fasa 2).	Pelanggan layak menerima dua Hadiah, satu untuk Urus Niaga yang Layak pada 6 Ogos 2026, dan satu lagi untuk Urus Niaga yang Layak pada 10 Ogos 2026, tertakluk kepada jumlah pulangan tunai terkumpul yang diperuntukkan bagi setiap Fasa Kempen. Pelanggan melaksanakan Urus Niaga yang Layak melalui Perkhidmatan & Saluran yang Layak, berjumlah RM10,000.00 atau lebih (jumlah minimum untuk pelanggan pemilik tunggal bagi setiap urus niaga) dalam Tempoh Kempen.
Pelanggan individu melaksanakan satu (1) urus niaga kiriman wang ke luar negara kepada Maybank Singapore Limited (MSL) melalui Maybank Overseas Transfer pada aplikasi MAE yang berjumlah RM1,000.00 semasa Fasa 2.	Pelanggan tidak layak menerima Hadiah. Pelanggan tidak memenuhi jumlah urus niaga minimum sebanyak RM5,000.00 atau lebih (jumlah minimum untuk pelanggan individu bagi setiap urus niaga) dalam Tempoh Kempen.
Pelanggan pemilik tunggal melaksanakan satu (1) urus niaga kiriman wang ke luar negara kepada Maybank Singapore Limited (MSL) melalui Maybank Overseas Transfer pada aplikasi MAE yang berjumlah RM1,000.00 semasa Fasa 2.	Pelanggan tidak layak menerima Hadiah. Pelanggan tidak memenuhi jumlah urus niaga minimum sebanyak RM10,000.00 atau lebih (jumlah minimum untuk pelanggan pemilik tunggal bagi setiap urus niaga) dalam Tempoh Kempen.
Pelanggan individu melaksanakan satu (1) urus niaga kiriman wang ke luar negara di kaunter (OTC) cawangan Maybank yang berjumlah RM80,000.00 semasa Fasa 2.	Pelanggan tidak layak menerima Hadiah. Pelanggan tidak melaksanakan urus niaga melalui Saluran Perkhidmatan yang Layak dan oleh itu tidak memenuhi kriteria bagi Urus Niaga yang Layak.

Kempen Pengecualian Caj Perkhidmatan untuk Maybank Overseas Transfer 2026 – Terma dan Syarat

Pelanggan individu melaksanakan satu (1) urus niaga kiriman wang ke luar negara kepada bank lain di Singapura (bukan Maybank) yang berjumlah RM80,000.00 semasa Fasa 2.	Pelanggan tidak layak menerima Hadiah. Pelanggan tidak melaksanakan urus niaga melalui Saluran Perkhidmatan yang Layak dan oleh itu tidak memenuhi kriteria bagi Urus Niaga yang Layak.
Pelanggan individu melaksanakan satu (1) urus niaga kiriman wang ke luar negara kepada Maybank Singapore Limited (MSL) melalui Maybank Overseas Transfer pada aplikasi MAE yang berjumlah RM20,000.00 pada 5 Mei 2026.	Pelanggan tidak layak menerima Hadiah. Pelanggan melaksanakan urus niaga sebelum tempoh Kempen.
Pelanggan individu melaksanakan satu (1) urus niaga kiriman wang ke luar negara kepada Maybank Singapore Limited (MSL) melalui Maybank Overseas Transfer pada aplikasi MAE yang berjumlah RM20,000.00 pada 6 Ogos 2026 (Fasa 2). Pelanggan individu melaksanakan satu (1) urus niaga kiriman wang ke luar negara kepada Maybank Singapore Limited (MSL) melalui Maybank Overseas Transfer pada aplikasi MAE yang berjumlah RM1,000.00 pada 10 Ogos 2026 (Fasa 2).	Pelanggan layak menerima satu Hadiah bagi Urus Niaga yang Layak pada 6 Ogos 2026, tertakluk kepada jumlah pulangan tunai terkumpul yang diperuntukkan bagi setiap Fasa Kempen. <u>Urus niaga pada 6 Ogos 2026</u> Pelanggan melaksanakan Urus Niaga yang Layak melalui Perkhidmatan & Saluran yang Layak, berjumlah RM5,000.00 atau lebih (jumlah minimum untuk pelanggan individu bagi setiap urus niaga) dalam Tempoh Kempen. <u>Urus niaga pada 10 Ogos 2026</u> Pelanggan tidak memenuhi jumlah urus niaga minimum sebanyak RM5,000.00 atau lebih (jumlah minimum untuk pelanggan individu bagi setiap urus niaga) dalam Tempoh Kempen
Pelanggan pemilik tunggal melaksanakan satu (1) urus niaga kiriman wang ke luar negara kepada Maybank Singapore Limited (MSL) melalui Maybank Overseas Transfer pada aplikasi MAE yang berjumlah RM20,000.00 pada 6 Ogos 2026 (Fasa 2). Pelanggan pemilik tunggal melaksanakan satu (1) urus niaga kiriman wang ke luar negara kepada Maybank Singapore Limited (MSL) melalui Maybank Overseas Transfer pada aplikasi MAE yang berjumlah RM1,000.00 pada 10 Ogos 2026 (Fasa 2).	Pelanggan layak menerima satu Hadiah bagi Urus Niaga yang Layak pada 6 Ogos 2026, tertakluk kepada jumlah pulangan tunai terkumpul yang diperuntukkan bagi setiap Fasa Kempen. <u>Urus niaga pada 6 Ogos 2026</u> Pelanggan melaksanakan Urus Niaga yang Layak melalui Perkhidmatan & Saluran yang Layak, berjumlah RM10,000.00 atau lebih (jumlah minimum untuk pelanggan pemilik tunggal bagi setiap urus niaga) dalam Tempoh Kempen. <u>Urus niaga pada 10 Ogos 2026</u> Pelanggan tidak memenuhi jumlah urus niaga minimum sebanyak RM10,000.00 atau lebih (jumlah minimum untuk pelanggan pemilik tunggal bagi setiap urus niaga) dalam Tempoh Kempen.

3. Pemberian Hadiah

A. Maybank berhak menggantikan Hadiah dengan apa-apa item lain yang mempunyai nilai pasaran yang sama mengikut budi bicaranya dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu kepada Pemenang melalui 'push notification' dalam aplikasi MAE dan/atau 'Electronic Direct Mail' (EDM) atau apa-apa kaedah komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh Maybank.

B. Maybank akan mengenal pasti Pemenang dan mengkreditkan Hadiah dalam tempoh sembilan puluh (90) hari selepas tamat Tempoh Kempen. Hadiah akan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan atau Akaun Semasa/-i Maybank atau Maybank Islamic Pemenang yang berdaftar.

C. Pemenang mungkin dihubungi oleh Khidmat Pelanggan Kumpulan Maybank untuk tujuan pengesahan. Maybank berhak meminta dokumentasi atau bukti pengenalan, umur dan tempat kediaman bagi mana-mana Pemenang, dan Maybank berhak menghubungi Pemenang berhubung dengan apa-apa kempen berkaitan yang mungkin diadakan pada masa depan. Pemenang mesti memastikan butiran hubungan mereka tepat dan terkini dengan menyemak serta mengemas kini maklumat berdaftar mereka pada aplikasi MAE atau laman web Maybank2u.

D. Setelah Hadiah dikreditkan, Pemenang akan dimaklumkan secara bertulis melalui 'push notification' dalam aplikasi MAE dan/atau 'Electronic Direct Mail' (EDM) atau apa-apa kaedah komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh Maybank dalam tempoh sembilan puluh (90) hari selepas Tempoh Kempen.

E. Akaun Simpanan atau Akaun Semasa/-i Maybank atau Maybank Islamic Pemenang yang berdaftar mestilah tidak dorman atau ditutup pada masa Hadiah dikreditkan. Maybank berhak membatalkan Hadiah jika keadaan tersebut berlaku.

F. Sekiranya Pemenang gagal mematuhi mana-mana Terma dan Syarat Kempen ini, Maybank berhak membatalkan Hadiah untuk Pemenang tersebut.

4. Terma Dan Syarat Umum

A. Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa jua kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara tersebut tidak berpunca daripada Maybank.

B. Maybank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, secara keseluruhannya atau sebahagian daripadanya, dan berhak untuk mengubah mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini, dari semasa ke semasa dengan memberikan notis sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari ("hari" hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalendar) sebelum tarikh tersebut, dan notis berkenaan hendaklah disiarkan melalui laman web Maybank2u di

www.maybank2u.com.my atau melalui apa-apa saluran lain yang didapati sesuai oleh Maybank. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat tentang ataupun mencari apa-apa notis sedemikian yang disiarkan secara sah.

C. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara tetap bagi melihat terma dan syarat dalam dokumen ini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank jika terdapat mana-mana Terma & Syarat yang tidak difahami sepenuhnya.

D. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dalam dokumen ini serta bersetuju dan memberi kebenaran supaya data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank menurut Penyata Privasi Maybank yang boleh didapati di www.maybank2u.com.my ("Maybank Privacy Statement") dan pada Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu.

Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan terma dalam Maybank Privacy Statement dan Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Pelanggan yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:
a) tujuan Kempen; dan
b) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media dan bahan publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan media digital serta dalam internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk dan tanpa had kepada penggunaan dan/atau penyiaran apa-apa butiran yang diberikan dalam dan/atau yang berhubung dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar yang berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank yang berkaitan dengan Kempen ini.
*Nota: "PDPA" merujuk kepada Personal Data Protection Act (2010) (Akta Perlindungan Data Peribadi (2010).

E. Maybank dan pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk dan tanpa had kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) tidak bertanggungan terhadap Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini bagi apa-apa kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul dari atau yang berhubung dengan Kempen ini kecuali disebabkan oleh apa-apa kecuaian atau pengabaian oleh Maybank.

F. Maybank tidak akan bertanggungan bagi apa-apa kegagalan melaksanakan obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh apa-apa peristiwa force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada ketentuan Tuhan, bencana alam, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa peristiwa dan keadaan walau apa pun sifatnya, yang di luar kawalan munasabah Maybank.

G. Maybank boleh membatalkan/menolak mana-mana Pelanggan yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan/atau didapati atau disyaki cuba mengubah Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti pemalsuan melibatkan apa-apa tindakan tipu helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berhubung dengan Kempen ini.

H. Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi talian utama Pusat Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan yang Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u www.maybank2u.com.my.